

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6



MOHAMMED AZMAN semasa menjawab soalan wartawan pada sidang akhbar di Menara Perkeso, Jalan Ampang, Kuala Lumpur semalam.

Jika berlaku kemalangan bermula 1 September ini **Boleh tuntutan faedah siling gaji baharu**

Oleh **ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL**

KUALA LUMPUR – Faedah siling gaji baharu yang melibatkan peningkatan caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan boleh dituntut oleh pencazum sekiranya berlaku sebarang kemalangan bermula 1 September ini sehingga pembayaran caruman pertama dibuat.

Ketua Eksekutif Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Datuk Seri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, meskipun pengiraan jumlah caruman baharu akan mula dibayar pada Oktober, namun pencazum secara automatik layak menerima faedah yang disediakan.

“Kalau berlaku kemalangan atau kematian bermula 1 September, pencazum layak menerima faedah baharu walaupun caruman belum dibayar.

“Begitu juga seorang pekerja yang ditawarkan bekerja pada 1 September yang akan dibayarkan carumannya dan didaftarkan carumannya pada Oktober, sekiranya dalam perjalanan ke tempat kerja, dia kemalangan dan meninggal, dia layak terima faedah baharu di bawah Perkeso,” katanya pada sidang akhbar di Menara Perkeso, di sini semalam.

Terdahulu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Perkeso telah meminda Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2022 melibatkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

Sehubungan itu, 1.5 juta atau 19 peratus daripada 9 juta pencazum yang berdaftar di bawah Perkeso terdiri daripada pekerja tempatan dan asing terlibat dengan langkah

peningkatan siling gaji ini.

Tambah Mohammed Azman, selepas RUU Pindaan (Akta 4) tersebut diluluskan, pekerja yang bergaji RM5,000 sebulan dan ke atas akan membayar caruman tambahan sebanyak RM22.60 iaitu RM17.60 daripada majikan dan RM5 potongan gaji pekerja.

“Bagi Akta 800 pula, pekerja yang memperoleh gaji RM4,000 sebulan dan ke atas, bayaran caruman tambahan adalah sebanyak RM4 melibatkan RM2 daripada majikan dan RM2 potongan gaji pekerja,” jelasnya.

Sementara itu, katanya, Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) menyediakan faedah tunai kepada orang berinsurans bekerja sendiri dan tanggungannya di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani dan latihan vokasional kepada golongan suri rumah.

TARIKH : 1/9/2022

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

B. Hanan khamis 1 Sept 2022

Nasional

15

Dua kementerian perlu sehaluan selesai isu buruh

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (KSM) wajar mengambil langkah sehaluan dengan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) dalam menyelesaikan isu keperluan guna tenaga manusia untuk membantu industri sawit.

Presiden Pergabungan Persatuan Peladang (ISP), Datuk Daud Amatzin, berkata usaha itu juga memerlukan sokongan padu semua pihak, termasuk Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Katanya, kerjasama berkenaan penting dalam membantu peladang menuai buah tandan sawit bagi mencapai hasrat ke arah 100 peratus Pensijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO) untuk memenuhi keperluan asas manusia sejagat.

"Semua pihak bertungkus lumus ke arah itu, tetapi ada faktor luaran yang Malaysia tak boleh kawal. Dalam situasi ini, semangot setia kawan ASEAN amat diperlukan, semua negara jiran perlu saling membantu memberi sokongan agar ekonomi hidup semula di Asia Tenggara.

"Malaysia juga wajar galakkan rakyat bekerja di ladang yang hampir semua dimiliki pemilik tempatan, sama ada kecil atau besar. Setakat akhir 2021, kita ada 4,917 ladang sawit di seluruh negara dengan keluasan penanaman sekitar 5.7 juta hektar," katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, KSM menggesa majikan yang mendapat kuota pekerja asing kurang daripada jumlah dimohon supaya membawa masuk jumlah tenaga kerja dari luar itu berdasarkan kelulusan diberikan sebelum membuat permohonan baharu.

Kementerian itu turut menyatakan, permohonan semula majikan yang sudah dapatkan kuota berkenaan, antara punca pihaknya menerima banyak permohonan selepas pembukaan semula permohonan pekerja asing.

Tuntut kerjasama

Mengulas lanjut, Daud mengalu-alukan kerjasama semua pihak berkaitan yang sedang mencari jalan untuk memudahkan segala urusan pengambilan petugas di ladang dan ISP berte-rima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan membantu dalam pelbagai bentuk.

Pada 16 Ogos lalu, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan dilaporkan berkata, permohonan bagi pengambilan pekerja asing tidak lagi dibekukan bermula 19 Ogos selepas mengambil kira permintaan pihak industri.

Katanya lagi, kementerian juga bersetuju semua permohonan yang diterima berhubung pengambilan 400,000 pekerja asing sebelum ini diteruskan sebelum hujung bulan ini berkenaan.

TARIKH : 15 /9/2022
SURAT KHABAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 3

theSUN ON THURSDAY | SEPTEMBER 15, 2022 **3**

NEWS WITHOUT BORDERS

'Official recognition would help graduates'

"Industry players are confident in the value of TVET qualifications translating into higher work productivity, thus employers are willing to pay premium salaries to TVET graduates."

From front page

He called for a nationwide campaign to promote TVET as an "education of choice" to promote interest in its courses, adding that official recognition of high-value TVET occupations would help its graduates secure high-paying jobs.

"To progress with industrial advancements, we need skilled talents to manage advanced technologies.

"Equal opportunity should also be given to TVET graduates to progress to senior management levels, not only in the factory environment but also in general management. This will help boost self-confidence among skills graduates.

"More scholarships should be provided to technical institutions than universities. Industrial training should be institutionalised and proper allowances and benefits must be implemented," Syed Hussain added.

TARIKH : 2/9/2022

SURAT KHABAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 27

Harian Metro | Jumaat 02.09.2022 MS27 Lokal

@hmetrom

Kuala Lumpur

Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) akan menguatkuasakan siling gaji baharu untuk maksud caruman mulai semalam.

Ketua Eksekutif Perkeso Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata dijangka 1.5 juta pekerja atau hampir 19 peratus daripada keseluruhan pencaerum Perkeso di seluruh negara terlibat dalam peningkatan siling gaji itu yang merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

Beliau berkata peningkatan siling itu susulan pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) yang melibatkan peningkatan had siling gaji bagi maksud caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan.

Katanya langkah meningkatkan siling gaji itu akan menambah baik liputan keselamatan sosial Perkeso menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 25.3 peratus.

"Faedah tersebut adalah seperti Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS), Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK), Faedah Orang Tanggungan

PERKESO KUAT KUASA SILING GAJI BAHARU

1.5 juta pekerja terima faedah

(FOT), Pencen Penakat dan Pencen Ilat di bawah Akta 4 serta Elaun Mencari Pekerjaan (EMP), Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB) dan Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA) di bawah Akta 800.

"Mulai September ini, amaun caruman yang akan terpakai bagi pekerja bergaji melebihi RM4,000 sebulan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, Akta 4 dan Jadual Kedua, Akta 800. Bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 sebulan, amaun caruman adalah mengikut had siling gaji RM5,000," katanya dalam satu kenyataan.

Mohammed Azman berkata bayaran caruman hendaklah dibuat oleh majikan mengikut pindaan had siling gaji baharu bagi September ini dan seterusnya.

"Majikan diminta mencatatkan jumlah potongan caruman dalam penyata atau slip gaji pekerja masing-masing bagi tujuan rekod dan aktiviti pemeriksaan oleh Perkeso," katanya.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sejak penubuhan Perkeso pada 1971 hingga kini, peningkatan siling gaji telah dilaksanakan

nakan sebanyak lima kali.

Menurutnya langkah yang dilaksanakan itu sejajar dengan usaha bertenangan agensi itu dalam menyediakan perlindungan sosial lebih komprehensif kepada pencaerum dan orang tanggungannya.



“
Bagi pekerja yang bergaji melebihi RM5,000 sebulan, amaun caruman mengikut had siling gaji RM5,000
Dr Mohammed Azman

TARIKH : 26 /9/2022

SURAT KHABAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Walau timbul isu rakyat negara ini diperdaya sindiket tipu pekerjaan di sana

Tetap ambil pekerja dari Kemboja

Oleh LIYANA RAMLI

TAPAH – Kes warga Malaysia yang didera dan diperdaya di Kemboja tidak menghalang rundingan kerajaan untuk membawa masuk pembantu rumah dari negara itu ke sini.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan berkata, kes sedemikian adalah serupa sebagaimana yang berlaku di negara ini dan beliau percaya kerajaan mampu menyelesaikannya.

“Pekerja datang dari negara lain pernah dibuli di negara kita, maka ini adalah kes yang kita boleh selesaikan secara berhemah,” katanya kepada pemberita ketika hadir Pelancaran Jentera PRU-15 Barisan Nasional (BN) Parlimen Tapah di Dewan Merdeka Tapah, di sini semalam.

Terdahulu, media melaporkan seramai 24 rakyat Malaysia yang menjadi mangsa penipuan tawaran pekerjaan di Phnom Penh, Kemboja diselamatkan dan kembali ke tanah air.

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah dilaporkan berkata, seramai 118 rakyat Malaysia yang menjadi mangsa

penipuan tawaran pekerjaan di Kemboja berjaya diselamatkan daripada sebanyak 148 kes yang dilaporkan.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) turut dilaporkan akan membentangkan kepada Jemaah Menteri cadangan dalam memorandum persefahaman (MoU) bagi membawa masuk pembantu rumah dari Kemboja khususnya yang beragama Islam.

Sementara itu, Saravanan turut mengulas langkah kementerian membawa masuk pekerja asing dari Sri Lanka bagi mengisi kekosongan pekerjaan dalam sektor yang dibenarkan menggaji pekerja warga asing.

“Para majikan dinasihatkan supaya tidak tertumpu kepada dua negara sahaja kerana kerajaan membuka peluang pekerjaan dari 12 negara lain untuk pengambilan pekerja asing.

“Kita dah buka untuk 14 negara, tolonglah cuba dapatkan pekerja-pekerja asing dari semua negarasokongan. Apabila kita bergantung kepada dua negara sahaja (Bangladesh dan Indonesia), terlalu banyak syarat,” katanya.



MALAYSIA tetap akan mengambil pekerja dari Kemboja walaupun terdapat rakyat negara ini yang menjadi mangsa penipuan pekerjaan di negara itu. – GAMBAR HIASAN

TARIKH : 26 /9/2022
SURAT KHABAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9

SINAR HARIAN • ISNIN 26 SEPTEMBER 2022

MALAYSIA
BERINTEGRITI

NASIONAL | 9

Majikan perlu cari alternatif lain

Tidak boleh hanya bergantung kepada pekerja asing dari Bangladesh dan Indonesia

SHAH ALAM



SARAVANAN

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M Saravanan menasihatkan majikan di negara ini agar tidak hanya bergantung kepada pekerja asing dari Bangladesh dan Indonesia yang kini dilihat semakin meningkat.

Sebaliknya beliau berkata, majikan perlu mencari alternatif daripada 12 lagi negara yang telah dibuka.

Memetik laporan *Astro Awani*, Saravanan berkata, kebergantungan kepada dua negara itu sedikit sebanyak menimbulkan kesulitan

kerana syarat yang terlalu banyak.

“Apabila kita bergantung kepada satu atau dua negara sahaja, terlalu banyak syarat. Bukan senang saya sebagai menteri untuk menyempurnakan semua permintaan mereka disebabkan saya perlu jaga kebajikan warga tempatan.

“Maka, kita perlu melihat di luar kotak untuk mengambil pekerja-pekerja asing dari negara-negara lain,” katanya pada Ahad.

Pada Rabu, Saravanan dilaporkan berkata, jemaah Menteri bersetuju bagi pengambilan 10,000 pekerja asing dari Sri Lanka dengan mengambil kira keadaan negara tersebut yang dilanda krisis ekonomi ketika ini.

Menurutnya, kerajaan Sri Lanka telah mengemukakan per-

mohonan rasmi untuk membekalkan tenaga kerja dan memohon kuota sebanyak 10,000 pekerja.

Beliau berkata, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 September lepas bersetuju bagi pengambilan pekerja tersebut dan ia merupakan antara usaha kerajaan untuk membantu negara Sri Lanka yang sedang berdepan krisis ekonomi terburuk di negara itu.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, kes-kes berkaitan pekerja warga Malaysia menjadi mangsa penipuan di Kemboja yang dilaporkan media sejak kebelakangan ini, tidak menjejaskan perbincangan bagi membawa masuk pekerja dari negara itu ke Malaysia.

“Kes-kes penipuan serupa itu boleh berlaku di mana-mana negara, bukan se-

takat di Kemboja sahaja kerana ia di luar jangkauan sesiapa.

“Ia tidak menjejaskan perbincangan kerana disifatkan sebagai kes khas atau terpencil, tetapi kita akan cari penyelesaian secara berhemah,” katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan pada 9 September lalu mengenai 24 rakyat Malaysia berumur lingkungan 20 hingga 30 tahun yang menjadi mangsa penipuan tawaran pekerjaan di Phnom Penh, Kemboja berjaya diselamatkan dan kembali ke tanah air.

Pada Ogos lepas, Timbalan Presiden MIC itu dilaporkan berkata, Malaysia dijangka menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) berhubung pengambilan pembantu rumah warga Kemboja pada bulan September.

TARIKH : 12/9/2022
SURAT KHABAR : THE SUN DAILY
MUKA SURAT : 4

Revised Employment Act deferred for employers to address issues

KUALA LUMPUR: The deferment of the implementation of the amended Employment Act 1955 is to give time for employers to address their problems on shortage of workers and recruitment of foreign workers.

Human Resources Minister Datuk Seri M.

Saravanan said implementation of the amended law was deferred from Sept 1, 2022, to Jan 1, 2023 upon request by employers.

"The employers need time and their request (to defer implementation of the amended law) is rational," he said at the 23rd

Conference and Exhibition on Occupational Safety and Health (COSH) at the Kuala Lumpur Convention Centre yesterday.

The two-day COSH involves more than 1,300 local and foreign participants.

- Bernama

+
The Sun, pg 4

Kadar pengangguran terus susut

Pasaran buruh negara mengukuh dengan pengangguran catat 3.7 peratus berbanding 4.5 peratus tahun lalu

KUALA LUMPUR

Pasaran buruh Malaysia bertambah kukuh pada Julai lalu, dengan kadar pengangguran mencatat 3.7 peratus, iaitu menghampiri paras prapandemik berdasarkan penerbitan Statistik Tenaga Buruh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, pencapaian itu adalah jauh lebih baik berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada tahun 2021 dan 4.2 peratus pada Januari 2022.

"Bilangan penganggur terus menurun kepada 620,700 orang pada Julai 2022 berbanding 630,600 orang pada bulan sebelumnya, manakala jumlah penduduk bekerja pada Julai lalu terus mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang.

"Mengikut sektor ekonomi, bilangan



MUSTAPA



Karnival Kerjaya Jamin Kerja sempena program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia memberi peluang kepada rakyat untuk mencari peluang pekerjaan sekali gus mengurangkan kadar pengangguran di negara ini.

“

Kedudukan tenaga buruh pada Julai lepas juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus, bulan ke bulan merekodkan 16.60 juta orang.”

penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan semakin meningkat terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan

dan minuman; perdagangan borong dan runcit serta aktiviti pentadbiran serta khidmat sokongan.

"Guna tenaga dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan kecuali bagi sektor pertanian, perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan dalam guna tenaga," kata Mustapa dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Beliau berkata, kedudukan tenaga buruh pada Julai lepas juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus dari bulan ke bulan dengan merekodkan 16.60 juta orang.

"Justeru, kadar penyertaan tenaga

buruh (KPTB) yang lebih tinggi direkodkan pada bulan tersebut iaitu pada kadar 69.6 peratus," katanya.

Beliau memberitahu, pencapaian pasaran buruh yang lebih kukuh itu disokong oleh kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua tahun ini dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh pada kadar 8.9 peratus.

Bagi separuh pertama tahun 2022, ekonomi negara berkembang sebanyak 6.9 peratus.

"Peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal terutamanya susulan dari keputusan pembukaan sempadan negara sejak 1 April 2022 telah memberi impak positif terhadap pasaran buruh negara yang telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan.

"Momentum pemulihan pasaran buruh ini juga adalah selaras dengan pelaksanaan inisiatif kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob) seperti program JaminKerja - Insentif Penggajian (JKIP) dan pewujudan Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs," katanya.

Mustapa menambah, kerajaan terus berusaha untuk meningkatkan peluang pekerjaan serta mempertingkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

Menteri itu juga menjangkakan pasaran buruh terus kukuh pada suku tahun ketiga dengan prestasi perniagaan lebih baik.

"Petunjuk keyakinan mencatat 4.7 peratus bagi suku ketiga tahun 2022 berbanding 3.5 peratus pada suku kedua.

"Ini menggambarkan situasi ekonomi dijangka lebih baik pada suku ketiga tahun ini," jelasnya. - *Bernama*

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : THE STAR

MUKA SURAT :

Unemployment down to 3.7% in July

Lower rate a positive sign M'sia can sustain growth

The Star
10/9/22

ECONOMY

By ELIM POON

elimpoon@thestar.com.my

PETALING JAYA: The lower unemployment rate of 3.7% recorded in July 2022 is a positive sign that Malaysia's economy can sustain its growth momentum in the quarter ahead.

Sunway University professor of economics Dr Yeah Kim Leng tells *StarBizWeek* the figure not only entail higher household income but also capacity expansion by companies.

"The results are consistent with the growth momentum that follows through from the second quarter of 2022 (2Q22). It is expected that such growth will be sustained in the subsequent quarters.

"A higher employment rate in the country implies an increase in household income that courts consumer spending. With an enlarged workforce, investments will also rise with more companies looking to expand their operations," he said.

The Statistics Department yesterday said the country's labour force rose by 3.3% year-on-year (y-o-y) and 0.2% m-o-m (June to July) to 16.6 million.

Labour force participation rate saw a 1.3 percentage point (pps) y-o-y hike and 0.1 pps m-o-m hike to 69.6%.

The number of employed persons rose by 4.5% y-o-y and 0.3% m-o-m to 15.98 million. Moreover, there was a reduction in unemployment by 20.2% y-o-y and 1.6% m-o-m to 620,700.

Overall, the unemployment rate fell by 1.1 pps y-o-y and 0.1 pps m-o-m to 3.7%.

Yeah believes Malaysia has reached full

"With an enlarged workforce, investments will also rise with more companies looking to expand their operations."

Dr Yeah Kim Leng

employment rate, judging on historical data.

"While it differs for each country, Malaysia views 3.3% to 3.5% as its full employment rate," he said.

Moving forward, the economist noted that it is important for the government to look into the country's wage growth.

"The creation of more high-skilled jobs or high-paying jobs than low-skilled labour is important to ensure there is quality economic growth," said Yeah.

UOB Research attributed the gain in total employment to persistent hiring in the services, manufacturing and construction sectors.

"This has fully offset the decline in the agriculture as well as mining and quarrying sectors (in July).

"The employment-to-population ratio accelerated to 67% in July from 66.9% in June, which was above pre-pandemic levels for three straight months," said UOB Research in a report yesterday.

It said the employment and size of labour force has reached new record highs as of July.

Having grown for the 13th consecutive month, Malaysia has a labour force of 16.6 million at present with a participation rate of 69.6%, a new high.

While the number of unemployed persons

have declined, the figure is still higher than pre-pandemic levels of a little over 500,000 per month.

Youth unemployment rate saw a contraction to a 28-month low of 12.1% in July while longer-term unemployed or workers unemployed exceeding 12 months also decreased by 6.6% m-o-m or 34,000 of total actively unemployed.

UOB Research said labour market recovery will continue to be driven by the country's transition to endemicity in the Covid-19 pandemic with a full reopening of economic and social activities as well as borders.

"Most labour market indicators have improved much stronger than we had anticipated post the reopening since April 1, 2022 and at a sustainable pace," it said.

However, Yeah stated that while the country seems to be on track to reach its gross domestic product target of 5.3% to 6.3% for 2022, 4Q22 remains challenging.

"Factors like the sharper-than-expected slowdown in the United States, Europe and China due to inflation and monetary tightening has raised the uncertainties in global growth prospects for the second half of 2022.

"This will potentially impact our exports with lower external demand," he said

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : THE STAR

MUKA SURAT :

The Star 10/9/22

Positive turn of jobless rate nearing pre-pandemic levels

KUALA LUMPUR: The Malaysian labour market continued to strengthen, recording 3.7% in July 2022 and nearing pre-pandemic levels, according to the publication of the Labour Force Statistics.

Minister in the Prime Minister's Department (Economy) Datuk Seri Mustapa Mohamed said the achievement was much better compared to the 4.5% recorded in 2021 and 4.2% in January 2022.

The number of unemployed persons continued to decrease to 620,700 people in July 2022 compared to 630,600 people in the preceding month, while the number of employed people in July 2022 continued to record a positive growth of 0.3% to 15.98 million people, he said.

"According to the economic sector, the number of people working in the service sector is increasing, especially in food and beverage service activities, wholesale and retail trade, administrative activities and support services.

"Employment in the manufacturing and construction sectors also showed an increase, except for the agriculture as well as mining and quarrying sectors, which recorded a decrease in employment," he said in a statement yesterday, according to Bernama.

Mustapa said the position of the labour force in July 2022 also improved following a continuous increase in the number of workers by 0.2% month-on-month recording 16.60 million people.

Therefore, the higher labour force participation rate was recorded in that month at 69.6%, he said.

He said the achievement of a stronger labour market was supported by an improved economic position for the second quarter of 2022 with economic growth strengthening at 8.9%.

For the first half of 2022, the national economy grew by 6.9%.

"Increased economic and social activities that have returned to normal, especially following the opening of national borders since April 1, 2022, have a positive

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : THE STARS SATURDAY

MUKA SURAT :

Smooth recruitment process

The
Stars
Saturday
10/9/22

'Less than four months to get a Filipino maid if no hiccups'

By IYLIA MARSYA ISKANDAR
iyliamarsya@thestar.com.my

PETALING JAYA: Despite the heightened demand for Filipino domestic workers of late, the recruitment is progressing without a glitch, says the Philippine Embassy in Malaysia.

Its labour attache Teresa Lourdes said if all documentation is complete and proper, and complied with the requirements of the Philippine Department of Migrant Workers, the employment of Filipino domestic workers will take less than four months.

"From the Philippines' side, we didn't experience any hiccups to the recruitment process.

"There are no adverse effects to the increase in demand for our domestic workers.

Malaysians are appreciative of our workers," she said.

Lourdes said the embassy had processed 6,350 job orders or manpower requests for domestic workers from April to August this year.

"We were able to verify individual employment contracts for 773 domestic workers for April, and 2,310 last month," she said, adding that 7,370 contracts were attested this year alone.

Overall, 61,567 Filipino domestic workers' employment contracts were verified from January 2017 to Aug 31 this year, she said.

Lourdes also said there are at least three seminars or training sessions that Filipino domestic workers have to undergo before they can be employed.

"They must attend the pre-employment orientation seminar

with the Technical Education and Skills Development Authority to obtain national competency recognition.

"After that, they must attend the pre-departure orientation seminar and comprehensive pre-departure education programme conducted by accredited service providers," she said.

These workers, she added, must be medically certified that they are fit to work by clinics accredited by the Department of Migrant Workers.

Malaysian employers currently pay Filipino helpers RM1,680 a month, with a day off weekly. The workers are entitled to a payment of RM65 if they are required to work on a rest day.

The employer too shall provide the workers with personal, acci-

dent, medical and insurance cover, a health insurance company and a vacation leave with full pay of not less than 15 days for every year of service, made available after the completion of the contract.

Last week, *The Star* reported about the increasing demand for Filipino domestic workers, a change from previous times when they were the upmarket "last resort" because of the higher costs of hiring them and stringent requirements involved.

The situation is also driven by Malaysian employers' desperation for domestic help and the bureaucratic delay in the arrival of Indonesian maids.

In addition, the wage gap between Indonesian and Filipino domestic workers has narrowed.

Currently, an Indonesian helper



TS DR RODZIDAH
MOHD RODZI
SHAKIB AHMAD
SHAKIR

Kementerian Sumber Manusia semarakkan sambutan ke-65 tahun kemerdekaan negara

KEMENTERIAN Sumber Manusia (KSM) menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan Malaysia ke-65 tahun melalui sumbangan tenaga dalam segmen perbarisan dan perarakan dengan tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama.

Kontinjen KSM terdiri daripada 84 orang pegawai lelaki dan wanita, gabungan pelbagai agensi serta 10 orang urus setia daripada Bahagian Khidmat Pengurusan KSM yang diketuai oleh Timbalan Ketua Setiausaha Operasi, Datuk Mohd Khair Razman Mohamed Annuar.

Sesi raptai kawad di Dataran Merdeka dilatih oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja 1 RAMD (Istiadat), Sarjan Mohd Shahzuan Abdol Rahim dan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja 1 RAMD (Istiadat), Lans Koperal Muhammad Fadzli Miskam.

Sesi latihan perbarisan di KSM Putrajaya dilatih oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) Cawangan Daerah Putrajaya, Muhammad Syazwan Ramle dan Mohd Suhaimie Abdullah.

Dalam pada itu, Ketua Kontinjen KSM, Datuk Khair Razman turut menzhirkan perasaan terharu dengan semangat yang dipamerkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Sepanjang perjalanan perbarisan, orang ramai sibuk merakam, melambai, bersorak dan bertepuk tangan. Kami dapat rasakan bahawa kita bersama Keluarga Malaysia yang saling menghargai dan bersatu padu. Perasaan itu tiada tolok bandingnya yang tertanam kuat di dalam lubuk jiwa," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada jurulatih anggota ATM dan RELA yang menjadi pengasuh dan pengiring kontinjen KSM.

Menurutnya, sepanjang sesi



KONTINJEN Kementerian Sumber Manusia semasa Hari Kebangsaan Malaysia ke-65.

raptai, mereka melatih kakitangan KSM berkawad dengan penuh keikhlasan dan kesabaran.

"Saya mengucapkan tahniah kepada Kontinjen KSM, semoga terus menaburkan khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara. Perkara yang sukar akan menjadi mudah jika kita teguh bersama," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Shakib Ahmad Shakir juga merakamkan ucapan tahniah kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia selaku Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2022 kerana berjaya menganjurkan sambutan

kemerdekaan yang berskala besar, unik dan lautan manusia di luar jangkaan kira-kira 100,000 orang di Dataran Merdeka.

Sambutan tahun ini melibatkan 15,971 peserta perbarisan dan perarakan, sejumlah 369 aset darat, 68 aset udara dan 76 ekor haiwan dalam perkhidmatan. Acara disiarkan secara langsung di televisyen dan laman media sosial.

Sekitar pukul 7.45 pagi, acara dimulakan dengan ketibaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dan isteri, Datin Seri Muhaini Zainal Abidin bersama jemaah menteri.

Tepat pukul 8 pagi, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,

Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah mencemari duli berangkat tiba bersama Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dengan menaiki kereta kuda diraja.

Disusuli dengan lintasan hormat lima helikopter yang membawa Jalur Gemilang serta tembakan 14 das meriam melambangkan 14 negeri dalam Malaysia oleh 41 Bateri Istiadat oleh Rejimen Artileri Diraja, diketuai oleh Letenan Kolonel Mohamad Asri Che Wil.

Nyanyian lagu Hormat Diraja dan Negaraku dimainkan serentak dengan acara menaikkan Jalur Gemilang, diikuti lagu tema Keluarga Malaysia Teguh Bersama yang

disampaikan oleh 12 artis tempatan diiringi 65 pemuzik Orkestra RTM pimpinan Pengarah Muzik RTM, Datuk Mokhzani Ismail.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kemudian menyempurnakan pemeriksaan kawalan kehormatan utama Panji-Panji Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Di Raja yang diketuai Mejar Nurul Fauzan Md Sabri.

Majlis diteruskan dengan bacaan ikrar yang dipimpin oleh Atlet Pecut Negara, Muhammad Azeem Fahmi diiringi 65 peserta Keluarga Malaysia mewakili pelbagai kaum dan etnik diikuti laungan 'Merdeka' sebanyak tujuh kali.

Seterusnya adalah persembahan khas padang formasi kira-kira 600 peserta dari Kementerian Pendidikan Malaysia.

Acara diteruskan dengan perbarisan dan perarakan kontinjen kenegaraan, pancaragam, perarakan kenderaan berhias dan aset-aset agensi pertahanan.

Kemudian pertunjukan udara melintasi pentas utama. Acara melambatkan formasi pesawat Sukhoi SU-30 MKM, F/A-18D Hornet, B.A.E Hawk, pesawat pengangkut A400M Airbus, C130 Hercules dan tujuh jenis helikopter milik agensi kerajaan.

Acara berakhir tepat pukul 10.45 pagi dengan keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong.

Menariknya, para pengunjung didendangkan dengan persembahan oleh barisan artis tempatan antaranya Sufi Rashid, Nikki Palikat, Nadia Hasnan serta Kumpulan Kesenian Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.



WAKIL Jabatan Tenaga Manusia (JTM), dari kiri: Fazli, Rashidah, Dr Rodzidah, Datuk Khair Razman, Jusellin dan Faizal.



PERBARISAN Kontinjen KSM di Dataran Merdeka.

/9/2022

BAR : BERITA HARIAN

AT :

'Gaji siling baharu caruman PERKESO tak bebaskan majikan'

mpur: Penguatkuasaan gaji baharu daripada RM4,000 kepada RM5,000 bagi caruman Keselamatan ERKESO) berkuat kuasa lusa, memberi peranan yang lebih baik kepada keluarga mereka.

Dr Mohammed Azman hammed, berkata kenaiadik membebaskan ma-

jikan kerana kesan kepada perniagaan amat minimum.

"Kita melihat faedah lebih baik diterima pekerja dan waris hasil peningkatan siling gaji ini dalam memastikan jika berlaku kemalangan, kecederaan, kematian dan sebagainya, waris akan menerima faedah yang sedikit sebanyak membantu kelangsungan hidup," katanya semalam.

Baru-baru ini PERKESO me-

nguatkuasakan siling gaji baharu bagi caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan, mulai 1 September, bagi menambah baik liputan keselamatan sosialnya menerusi peningkatan kadar bayaran faedah sedia ada sehingga 25.3 peratus.

Beliau berkata, peningkatan had siling gaji bermaksud kenaikan siling gaji atau gaji maksimum dari RM4,000 kepada

RM5,000, bagi pengiraan jumlah caruman kepada PERKESO.

Katanya, sebagai contoh, ketika ini, pekerja yang bergaji RM4,000 sebulan dan ke atas, membayar caruman sebanyak RM88.80 untuk Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

"Selepas pindaan undang-undang terbabit diluluskan, pekerja yang bergaji RM5,000 sebulan dan ke atas pula akan membayar

caruman bermula RM111.40. Ini mewakili peningkatan bayaran caruman RM22.60.

"Pekerja yang memperoleh gaji RM4,000 sebulan dan ke atas, membayar caruman RM15.80 untuk Sistem Insurans Pekerjaan.

"Selepas pindaan diluluskan, caruman bagi pekerja yang bergaji RM5,000 sebulan dan ke atas sebanyak RM19.80, peningkatan bayaran RM4," katanya.

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 13

Pencarum Perkeso layak terima faedah caruman siling gaji baharu bermula 1 September



KUALA LUMPUR - Pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) layak menerima faedah caruman siling gaji baharu di bawah pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) bermula 1 September meskipun caruman hanya akan bermula pada Oktober ini.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Mohammed Azman

Aziz Mohammed berkata, ini kerana jaringan keselamatan sosial adalah termaktub di bawah akta sedia ada yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut.

Menurutnya, faedah sama juga boleh diterima oleh pekerja baharu yang mula bekerja pada tarikh sama.

“Peningkatan had siling gaji bermaksud kenaikan siling gaji atau gaji maksimum daripada RM4,000 kepada RM5,000 bagi pengiraan jumlah caruman kepada Perkeso.

“Meskipun dikuatkuasakan bermula 1 September, caruman biasanya akan dibayar pada Oktober. Tapi jika berlaku kematian pada 1 September, faedah yang akan diterima adalah berdasarkan faedah baharu walaupun caruman belum dibayar.

“Begitu juga jika seorang pekerja diterima bekerja pada 1

September dan dia akan dicarum pada Oktober tetapi jika dalam perjalanan dia pergi kerja dengan surat tawaran, dia kemalangan dan meninggal, dia layak menerima faedah yang ada di bawah Perkeso,” katanya di Menara Perkeso di sini pada Jumaat.

Pindaan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) melibatkan peningkatan had siling gaji bagi maksud caruman daripada RM4,000 kepada RM5,000 sebulan.

Ketika ini mana-mana pekerja yang bergaji RM4,000 sebulan dan ke atas, membayar caruman sebanyak RM88.80 untuk Skim Bencana Pekerjaan serta Skim Keilatan di bawah Akta 4.



MOHAMMED AZMAN

Selepas RUU Pindaan Akta 4 diluluskan, pekerja yang bergaji RM5,000 sebulan dan ke atas akan membayar caruman sebanyak RM111.40 iaitu peningkatan bayaran caruman sebanyak RM22.60.

Bagi Akta 800 pula pada masa kini, mana-mana pekerja yang memperoleh gaji RM4,000 sebulan dan ke atas, membayar caruman sebanyak RM15.80 untuk Sistem Insurans Pekerjaan.

Setelah RUU Pindaan akta ini, bayaran caruman bagi pekerja yang bergaji RM5,000 sebulan dan ke atas adalah sebanyak RM19.80 iaitu peningkatan bayaran caruman sebanyak RM4.

Seramai 1.5 juta pekerja atau hampir 19 peratus daripada keseluruhan pencarum Perkeso di seluruh negara dijangka menerima manfaat daripada peningkatan siling gaji itu yang turut merangkumi pekerja tempatan dan pekerja asing.

Mohammed Azman berkata, dengan penguatkuasaan pindaan itu, caruman bagi pekerja yang bergaji RM4,000 ke atas akan menerima faedah lebih baik jika berlaku kemalangan, kematian, hilang upaya dan sebagainya.

“Jika pencarum kemalangan dan meninggal dunia, pekerja yang bergaji lebih RM4,000 sebelum ini contohnya gaji RM5,000 sebulan, hanya boleh terima 90 peratus maksimum daripada RM4,000 iaitu waris akan terima RM3,600 sebulan tapi bila peningkatan siling gaji kepada RM5,000 manfaat diterima adalah RM4,500,” katanya.

TARIKH : 10/9/2022

SURAT KHABAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT :

Kadar pengangguran menurun

BH
Sabtu
10/9/22

Pembukaan ekonomi sedia lebih banyak peluang kerja, perniagaan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pasaran pekerjaan di negara ini bertambah kukuh pada Julai, dengan kadar pengangguran mencatatkan 3.7 peratus, menghampiri paras prapandemik.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri

yang dicatatkan pada 2021 dan 4.2 peratus pada Januari 2022.

"Bilangan penganggur terus menurun kepada 620,700 orang, berbanding 630,600 orang pada Jun 2022," katanya dalam satu kenyataan susulan penerbitan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia, Julai 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), semalam.

Penduduk bekerja meningkat

Mustapa berkata, bilangan penduduk bekerja pada Julai 2022 terus mencatatkan pertumbuhan positif 0.3 peratus kepada 15.98 juta orang, berbanding 15.94 juta orang pada bulan sebelumnya.

Mengikut sektor ekonomi, beliau berkata, bilangan penduduk bekerja di sektor perkhidmatan

ngan borong dan runcit serta aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan.

"Guna tenaga dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut menunjukkan peningkatan, kecuali bagi sektor pertanian serta perlombongan dan pengkuarian yang mencatatkan penurunan," katanya.

Beliau berkata, kedudukan tenaga buruh pada Julai 2022 juga bertambah baik berikutan peningkatan berterusan dalam bilangan tenaga buruh sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan merekodkan 16.6 juta orang.

"Kadar penvertaan tenaga bu-

69.6 peratus," katanya.

Mustapa menambah, pasaran pekerjaan lebih kukuh itu disokong kedudukan ekonomi yang bertambah baik bagi suku kedua 2022 dengan pertumbuhan yang semakin mantap pada kadar 8.9 peratus, menjadikan ekonomi Malaysia berkembang 6.9 peratus pada separuh pertama tahun ini.

"Peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial yang kembali normal, terutama susulan pembukaan sempadan negara sejak 1 April 2022 memberi impak positif terhadap pasaran buruh negara, yang mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan



Mustapa Mohamed

mulihan pasaran buruh juga selaras dengan pelaksanaan inisiatif kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri seperti program JaminKerja-Insentif Pengajian (JKIP) dan pwujudan Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs.

"Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan peluang pekerjaan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Menuju ke hadapan, Mustapa berkata, pasaran buruh dijangka terus kukuh pada suku ketiga, dengan jangkauan prestasi perniagaan lebih baik.

Beliau berkata, petunjuk keyakinan mencatat 4.7 peratus bagi suku ketiga tahun 2022 berbanding 3.5 peratus pada suku kedua.

"Ini menggambarkan situasi ekonomi dijangka lebih baik

Tanggung pinda Akta Kerja 1955 wajar

Kementerian Sumber Manusia (KSM) baru-baru ini memaklumkan kerajaan bersetuju menengguhkan penguatkuasaan Akta Kerja 1955 (pindaan) 2022 daripada 1 September 2022 kepada 1 Januari 2023. Keputusan ini dicapai hasil perbincangan beberapa kementerian yang menjaga kepentingan golongan pekerja, industri dan ekonomi secara amnya seperti KSM, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Kewangan.

Pindaan akta ini antara lain melibatkan penambahan cuti bersalin daripada 60 ke 98 hari, penetapan cuti paterniti dinaikkan daripada tiga hari kepada tujuh hari, pengurangan waktu kerja mingguan daripada 48 jam kepada 45 jam serta aturan kerja fleksibel.

Menurut KSM, penangguhan ini diputuskan selepas mengambil kira permintaan daripada pihak industri yang rata-rata mahukan tempoh masa lebih panjang untuk melaksanakan pindaan tersebut, mengambil

kira situasi ekonomi semasa masih dalam fasa pemulihan. Kekurangan tenaga kerja khususnya pekerja asing yang dihadapi pihak syarikat adalah antara sebab utama penangguhan ini dibuat. Tempoh masa empat bulan akan datang dilihat munasabah untuk majikan mengatasi masalah tersebut dengan sokongan KSM.

Umum mengetahui kebanyakan syarikat masih belum beroperasi dalam kapasiti penuh. Ada yang terpaksa membatalkan atau mengurangkan pesanan pelanggan disebabkan kekurangan pekerja asing. Pelaksanaan pindaan akta ini juga akan mempunyai implikasi kewangan dari aspek kos operasi kepada syarikat yang sudah pun terbeban dengan penguatkuasaan dasar gaji minimum RM1,500 bermula 1 Mei 2022. Penangguhan ini juga bertujuan memberikan tempoh masa dan ruang secukupnya kepada majikan membuat persediaan rapi terutama aspek pengubahsuaian ke atas sistem kerja sedia ada dan peraturan-



peraturan berkaitan selaras dengan pindaan dalam Akta Kerja 1955.

Penangguhan penguatkuasaan ini pada saat-saat akhir bagaimanapun tidak mengembirakan kesatuan sekerja dalam pelbagai industri dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) serta golongan pekerja itu sendiri. Kerajaan dikatakan memberikan keutamaan kepada permintaan majikan berbanding dengan menjaga kebajikan pekerja. Kerajaan dalam pada itu berpendirian ia perlu berlaku adil kepada semua pihak dan mengambil kira pelbagai faktor dalam keputusan yang dibuat agar satu situasi menang-menang dapat dicapai.

Media baru-baru ini melaporkan negara memerlukan hampir

1.2 juta pekerja dalam pelbagai industri dan kemasukan seramai 47,000 pekerja asing setakat ini. Sudah tentu tidak mencukupi untuk menampung keperluan tersebut. Namun, situasi ini dijangka bertambah baik dalam tempoh beberapa bulan akan datang selaras dengan komitmen diberikan KSM untuk mempercepatkan proses kemasukan pekerja asing ke negara ini.

Justeru, penangguhan sementara pelaksanaan akta yang dipinda ini adalah wajar. Namun, kerajaan perlu mengotakan janjinya untuk menguatkuasakan pindaan tersebut menjelang Januari 2023 dan tidak lagi membuat penangguhan lagi pada masa hadapan. Pihak majikan pula harap memberi fokus untuk melaksanakan pindaan secara sistematik dan bersedia penuh. Desakan dan permohonan untuk penangguhan kali kedua perlu dielakkan kerana ia akan mengecewakan golongan pekerja yang menanti penuh harapan pelaksanaannya.

Menjelang Januari 2023, ke-

rajaan juga perlu terus mempergiatkan dan mempercepatkan usaha-usaha membawa masuk pekerja asing dari negara-negara sumber yang diluluskan. Proses dan prosedur permohonan pekerja asing perlu dipermudahkan agar syarikat tidak berhadapan dengan masalah mendapatkan pekerja asing.

Golongan pekerja dan kesatuan sekerja dalam industri berkaitan juga diharap dapat bersabar sedikit sehingga tarikh baru pelaksanaan seperti dijanjikan kerajaan. Penangguhan ini hanya bersifat sementara dan perlu dilihat sebagai usaha jangka panjang kerajaan untuk menjaga kebajikan pekerja.

Ini kerana, majikan yang bersedia sepenuhnya akan memastikan semua pindaan dilaksanakan dengan sebaiknya, seterusnya menguntungkan pekerja.

**Profesor Madya Dr Subramaniam Sri Ramalu
Pengajian Pengurusan Perniagaan
Universiti Utara Malaysia*

EFFECTIVE SEPT 1

'Minimal impact on employers over employees' increased contributions'

KUALA LUMPUR: The new employees' monthly salary ceiling limit for contribution purposes, which has been increased from RM4,000 to RM5,000 starting this month, will not have a significant impact on the operations of eligible employers.

Social Security Organisation (Perkeso) chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed described the impact of the new monthly salary ceiling limit for contributions as being extremely minimal compared with the expansion of safety net that will benefit the welfare of employees or their next of kin.

The salary ceiling increase, he said, will enable employees' next of kin to receive wider assistance, subsequently ensuring continuity and sustainability of life in the event of an untoward incident happening to the employees.

"In my opinion, the new monthly salary ceiling limit for contribution purposes will not be a burden to employers.

"And based on our records and registry, most employers affected by the implementation of the

salary ceiling increase are multinational companies that are performing better than those in the small- and medium-scale industry," he said yesterday.

The new monthly salary ceiling limit for contribution took effect on Sept 1.

The enforcement followed the amendment to the Employees Social Security Act 1969 and the Employment Insurance System Act 2017, which involved increasing the salary ceiling limit for contributions from RM4,000 to RM5,000 per month.

Azman said the increase in the salary ceiling would improve and expand social security coverage by increasing the existing benefits payment rate by up to 25.3 per cent.

He added that 1.5 million workers, or almost 19 per cent of the total Perkeso contributors, would be involved in the salary ceiling increase.

They included local and foreign workers.

At the press conference, Azman also explained how the increase was expected to affect employers and employees.

"For example, employees earn-



Social Security Organisation chief executive officer Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed speaking at a press conference in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

